

22/11/2001

PP tiada masalah cari calon baru

Anuar Asmadi

PULAU PINANG tidak menghadapi kesukaran mendapatkan pemain berkaliber untuk mengisi kekosongan di bahagian serangan berikutan pengguguran Mohd Fareed Shah.

Minggu lalu, skuad Harimau Kumbang sudah mampu menempatkan penyerang dari Kelantan, Cik Hishammudin Hassan tetapi terpaksa membatalkan kontrak yang sudah ditandatangani itu kerana pemain berkenaan menghadapi masalah peribadi.

Jurulatih Pulau Pinang, Irfan Bakti memberitahu, sejak akhir-akhir ini beberapa pemain ada menghubunginya menyatakan minat menyarug jersi pasukan negeri pada musim depan.

"Kita akan teliti setiap permohonan dan saya akan hubungi pihak pengurusan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) jika terdapat calon layak untuk dipertimbangkan.

"Saya juga tidak boleh memandai-mandai begitu sahaja. Pihak pengurusan juga harus diminta memberi pandangan. Kita berkerja secara kolektif," katanya.

Bagi Irfan untuk mendapatkan seorang pemain sahaja tidak sukar berikutan ramai berminat untuk berhijrah ke Pulau Pinang.

Pulau Pinang kini sedang memburu penyerang berkaliber untuk mendampingi Hasmawi Hassan di bahagian hadapan.

Fareed Shah yang dibeli dari Sabah musim lalu didapati gagal bertindak garang dan sering menjadi pemain simpanan pada peringkat akhir liga musim yang lalu.

FAP terpaksa menggugurkan Fareed bersama beberapa pemain seperti Mohd Nor Derus, M Karunakaran, M Prakash, Mahathir Mohamad dan Mohd Ramzi Razuwan.

"Saya gagal mendapatkan penyerang berbisa untuk Pulau Pinang tapi kali ini saya akan mencuba sedaya upaya mendapatkan penyerang yang bakal mengisi tempat Fareed Shah di barisan depan dan bukan sekadar menjadi penumpang," kata Irfan.

Selain itu, Pulau Pinang juga tidak akan mendapatkan khidmat pemain luar negara sebaliknya memberi tumpuan kepada pemain tempatan.

Untuk musim depan, Pulau Pinang mendapatkan khidmat Zool Ihsan Yunus, 26, dari Kelantan untuk mengemudi bahagian tengah.

Musim lalu, bahagian ini diketuai Mohd Nor Derus dan berikutan penggugurannya, Zool Ihsan diberi kepercayaan mengisi kekosongan itu.

(END)